

30.7.2019

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif ,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP).

TAPAK PELUPUSAN SAMPAH HARAM TEPI SUNGAI DI KEDAH: PBAPP AKAN SAHKAN KUALITI AIR MINUM YANG DIBEKALKAN DI PULAU PINANG

- Kerajaan Negeri Kedah dan Pulau Pinang harus pastikan sama ada terdapat lebih daripada satu tapak pelupusan haram di Sungai Muda sepanjang 203km.
- Rizab 30 meter harus dikekalkan di sepanjang tebing Sungai Muda untuk melindungi bekalan air di Kedah dan Pulau Pinang.
- PBAPP akan mengesahkan sama ada kualiti air minuman di Pulau Pinang terjejas oleh pelupusan sampah haram.

PULAU PINANG, Selasa, 30.7.2019: Sampel air mentah dari Sungai Muda akan dikumpulkan di muka sauk Lahar Tiang untuk ujian makmal bebas, berikutan laporan pelupusan sampah haram di tebing sungai sepanjang Sungai Muda di Kedah.

Pada tahun 2018, keputusan ujian ke atas 3,182 sampel air terawat (yang dikumpulkan di 213 tempat persampelan di seluruh Pulau Pinang) menunjukkan air minuman yang dibekalkan oleh PBAPP adalah bersih dan selamat.

Walau bagaimanapun, kami tetap akan mengumpul dan menghantar sampel air untuk ujian bebas. Kami ingin mengesahkan bahawa aktiviti pelupusan sisa sampah haram berhampiran Sungai Muda di Kedah tidak menjejaskan kualiti air mentah di Muka Sauk Lahar Tiang di Pulau Pinang.

Sila periksa jika terdapat lebih daripada satu tapak pelupusan haram

Pada 28.7.2019, beberapa media melaporkan Kerajaan Negeri Kedah telah menyita tapak pelupusan sampah 1.8 hektar (ha.) di Kampung Kemumbang di Sidam Kiri, Sungai Petani.

Tapak ini sebenarnya 22.8km ke hulu muka sauk Lahar Tiang. Laporan media menyatakan bahawa sisa yang terdapat di tapak itu termasuk sisa elektronik dan bahan kimia.

Penutupan dan cadangan pembersihan tapak pelupusan sampah haram adalah baik. Walau bagaimanapun, PBAPP mengesyorkan tindakan berikut untuk memastikan bekalan air kepada 2.16 juta orang di Kedah dan 1.77 juta di Pulau Pinang tidak terancam oleh pelupusan sampah haram dan pencemaran sungai, ketika ini dan untuk masa hadapan:

1. Pastikan sama ada terdapat lebih daripada satu tapak pelupusan haram di sepanjang tebing Sungai Muda. Sungai Muda, yang sepanjang kira-kira 203km mengalir melalui Kedah dan Pulau Pinang.
2. Pastikan semua pemilik tanah mengekalkan rizab sungai 30 meter di sepanjang Sungai Muda untuk meminimumkan risiko kejadian tidak diingini, seperti tumpahan kimia dan pencemaran yang tidak disengajakan.
3. Meletakkan anggota penguatkuasa undang-undang untuk rondaan kawasan sungai dan tebing sungai 24/7 untuk mengesan dan menghalang aktiviti haram yang mengancam kualiti air sungai.
4. Nilai semula semua aktiviti sosio ekonomi di sepanjang tebing sungai untuk menentukan tahap risiko pencemaran sungai, dengan tujuan untuk menggubal undang-undang untuk melindungi sungai, dan seterusnya, bekalan air di Kedah dan Pulau Pinang.

PBAPP mengabstrak lebih 80% air mentah Pulau Pinang dari Sungai Muda setiap hari dan SADA mengabstrak 100% untuk bekalan air di Kedah Selatan. Oleh itu, Pulau Pinang sangat bergantung kepada sungai ini sebagai sumber air mentah.

Adalah sesuatu yang mengejutkan apabila membaca mengenai pelupusan sisa elektronik dan kimia di hulu dari muka sauk air mentah utama Pulau Pinang di Lahar Tiang.

Sungai Muda adalah sumber air mentah utama yang dikongsi oleh Kedah dan Pulau Pinang. Malah, di tengah sungai ini menentukan sebahagian daripada sempadan kedua-dua negeri ini.

Walau bagaimanapun, ada undang-undang di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Majlis Tempatan untuk menghalang aktiviti haram ini.

Oleh itu, kami merayu kepada Kerajaan Negeri Kedah, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Agensi Persekutuan dan Kementerian yang berkaitan untuk mengambil tindakan pencegahan yang perlu.

Insiden ini harus dianggap sebagai “isyarat” kepada pihak berkuasa untuk mengambil tindakan yang perlu, segera dan secara konklusif. Kita mesti mengelakkan perkara buruk seperti kejadian Sungai Selangor yang menjejaskan berjuta-juta pengguna air awal bulan ini.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my